



# Berita PMK

*Hari Ini*



Sambutan  
**Hari Raya**  
*Aidilfitri*  
PMK



**IB3CE' 24**

Revolusi Industri 4.0

*Program*  
**i-SEE PMK**



## SEGMENT :

SEGMENT PENGETAHUAN

EDITOR : DR. NORHANA BINTI AHAD

SEGMENT KALAM INSPIRATIF

EDITOR : AHMAD FADLI BIN ABD  
HADI

SEGMENT PAPARAN TERKINI

EDITOR : HAZIRA BINTI SALEH

SEGMENT PENGUMUMAN

EDITOR: NURUL-FATEHA BINTI MD  
SANDOLLAH

## JAWATANKUASA:

PENGERUSI

HAMIDAH BINTI ABD LATIFF

NAIB PENERUSI

NORAZLINA BINTI DAUT

KETUA EDITOR

MAHERAN BINTI MOHAMED AYUB

WEB MASTER

HAIDAR NUR RIFHAN BINTI BASIR

JURUFOTO

MOHD RIMEE BIN ISMAIL

EDITOR



# ISI KANDUNGAN

|                                                              |     |
|--------------------------------------------------------------|-----|
| Menghayati Erti Sebenar Kemerdekaan Negara                   | -4  |
| Kadar Dasar Semalam (Overnight Policy Rate)                  | -5  |
| Keistimewaan Ros Jepun                                       | -7  |
| MESAC @ World Earth Day 2024                                 | -9  |
| Sambutan Raya Aidilfitri 2024                                | -10 |
| Program i-SEE PMK 2024                                       | -11 |
| Sorotan Mesyuarat Industri dan Watikah Lantikan              | -13 |
| IB3CE '2024                                                  | -14 |
| Program 4FYP                                                 | -16 |
| Program Gerak Gempur : Skor A Math & Science                 | -17 |
| Polytechnic Sports Challenge Hockey 2024                     | -18 |
| PMK Fitness Program 2024                                     | -19 |
| Program Memperkasa Tenaga Kerja 2.0 JKM                      | -20 |
| Penerbitan Artikel dalam DBP                                 | -21 |
| MALPTAAC SIRI 15/2024                                        | -22 |
| Doremon, Nobita dan Mesin Masa                               | -23 |
| Upin, Ipin dan Katak Ajaib                                   | -24 |
| Revolusi Industri 4.0                                        | -25 |
| Tentera Pekak kerana Tugas : Impilkasi dan Cara Mengatasinya | -26 |
| Pengumuman                                                   | -28 |



# MENGHAYATI

## *erti sebenar kemerdekaan negara*

Oleh: Tuan Mohd Azhar bin Tuan Mohd Ngah



Tanggal 31 Ogos sentiasa dekat di hati kita, apabila seluruh rakyat Malaysia meraikan Hari Kemerdekaan dengan penuh semangat. Setiap tahun, laungan keramat **"Merdeka, Merdeka, Merdeka"** yang pertama kali diucapkan oleh Bapa Kemerdekaan, Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, akan kembali menggema, mengingatkan kita pada nilai kebebasan yang dikecapi.

Namun, kemerdekaan bukan sekadar melaungkan "Merdeka." Ia lebih dalam, dengan menuntut kita semua sebagai rakyat Malaysia untuk menghargai dan mengenang kembali pengorbanan para pejuang tanah air seperti Mat Kilau, Dato Bahaman, Tok Janggut, dan ramai lagi yang berjuang hingga ke titisan darah terakhir. Tanpa perjuangan mereka, kita mungkin tidak akan merasai kemerdekaan seperti hari ini.

Tahun ini, negara kita mencapai usia 67 tahun kemerdekaan, tetapi sejauh mana generasi muda menghayati makna kemerdekaan ini? Mereka adalah pemimpin masa depan, dan penting untuk memastikan mereka memahami dan menghargai pengorbanan terdahulu. Media sosial boleh menjadi platform yang berkesan untuk menyemai semangat patriotisme di kalangan mereka, membantu mereka merasakan erti kemerdekaan itu bukan hanya dalam ungkapan kata-kata, tetapi dalam meresap ke dalam jiwa.

Kemerdekaan adalah satu nikmat yang perlu kita syukuri dengan sepenuh hati. Selain melaungkan kalimah keramat "Merdeka," lebih penting untuk kita membebaskan minda dari belenggu pemikiran penjajah, selari dengan nilai-nilai agama yang mendasari perjuangan tokoh terdahulu. Semoga kita terus menghargai dan menghayati erti kemerdekaan yang sebenar dalam diri setiap anak bangsa.

**Moga negara bertuah ini terus dipelihara oleh Allah S.W.T**

*Selamat Hari Kemerdekaan ke-67,*

*Malaysiaku tercinta.*

***MERDEKA!!***

# Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate)

Oleh : Pn. Hazira binti Salleh

la adalah satu kadar semalaman, kebiasaannya disebut **OPR** yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) melalui Jawatankuasa Polisi Kewangan/ Monetary Policy Committee (MPC). la adalah kadar faedah pinjaman bagi tempoh satu malam yang perlu dibayar oleh bank-bank komersial yang meminjamkan wang antara satu sama lain.

## Kenapakah bank perlu meminjam antara satu sama lain?

Ini kerana rizab wang tunai dalam sesebuah bank berubah-ubah bergantung kepada pengeluaran wang, deposit dan aktiviti pinjaman orang ramai. Dalam masa yang sama, bank perlu mengekalkan wang rizab tunainya di tahap yang memuaskan sejajar dengan Polisi Bank Negara.

Kadar faedah bank ditentukan oleh OPR hala tuju kewangan negara untuk memastikan keseluruhan institusi kewangan mempunyai bekalan tunai yang stabil dan mencukupi

## Bagaimanakah OPR memberi kesan kepada anda?

Semakin tinggi kadar OPR, semakin tinggi bayaran bulanan pinjaman yang perlu anda bayar dengan bank terutama jika pinjaman anda adalah merupakan kadar terapung. (floating rate). Tetapi bank-bank akan memberikan anda pilihan sama ada untuk mengekalkan amaun bayaran bulanan tetapi tempoh pinjaman dilanjutkan. Apapun pilihan, jika OPR meningkat, amaun yang perlu anda bayar pada keseluruhannya juga akan meningkat.

## Kepentingan OPR

Jika dilihat, secara kasarnya OPR yang meningkat akan menambahkan beban kepada rakyat yang mempunyai pinjaman/hutang ataupun meninggikan kadar faedah yang ditawarkan oleh bank kepada bakal peminjam tetapi sebenarnya OPR ini adalah satu alat oleh Bank Negara Malaysia untuk mengawal disebabkan OPR adalah perkara asas yang memastikan fungsi perbankan berjalan lancar. Ini kerana perubahan kadar OPR akan memberi kesan kepada keseluruhan komponen dalam sistem ekonomi negara, bukan setakat kadar pinjaman sahaja. Contohnya pengangguran, dan inflasi harga barangan.



IOPR paling rendah dalam sejarah adalah 1.75% semasa pandemik COVID-19 tahun 2020. Kadar OPR yang rendah menyebabkan kadar faedah pinjaman menjadi rendah. Ini menggalakan rakyat untuk berbelanja seterusnya merancakkan kembali ekonomi negara. Namun, jika OPR rendah, ia boleh menyebabkan terlalu banyak perbelanjaan dan pinjaman dan akan meningkatkan harga barangan.

Pada masa sekarang, pandemik telah berlalu, maka MPC mula menaikkan kadar OPR ssecara beransur-ansur. Kenaikan itu perlu dibuat bagi mengelakkan turun naik harga yang keterlaluan dalam ekonomi,. Meskipun kenaikan OPR boleh memberi kesan kepada peminjam melalui bayaran balik pinjaman yang lebih tinggi untuk pinjaman kadar terapung, kadar yang lebih tinggi juga akan memberikan manfaat kepada penyimpan melalui pulangan deposit yang lebih baik.

Kenaikan Kadar Dasar Semalaman (OPR) akan mempengaruhi orang ramai supaya lebih berhati-hati dalam berbelanja dan akan menggalakkan mereka meningkatkan simpanan. Dari sudut makro ekonomi, OPR yang lebih tinggi akan membantu menyesuaikan permintaan kepada tahap yang lebih setara dengan bekalan seterusnya membantu mengurangkan tekanan terhadap kenaikan harga barangan serta dapat mengawal inflasi. Impak kewangan dari segi kejatuhan kuasa beli akibat inflasi yang tinggi dan tidak terkawal adalah jauh lebih buruk dan meluas berbanding kesan daripada kenaikan OPR secara terkawal dan beransur-ansur

Jadual Kadar OPR dari Julai 2020 sehingga Julai 2024

| Tarikh   | OPR baru |
|----------|----------|
| Jul 2020 | 1.75     |
| Sep 2020 | 1.75     |
| Nov 2020 | 1.75     |
| Jan 2021 | 1.75     |
| Mar 2021 | 1.75     |
| May 2021 | 1.75     |
| Jul 2021 | 1.75     |
| Sep 2021 | 1.75     |
| Nov 2021 | 1.75     |
| Jan 2022 | 1.75     |
| Mar 2022 | 1.75     |
| May 2022 | 2.00     |
| Jul 2022 | 2.25     |
| Sep 2022 | 2.5      |
| Nov 2022 | 2.75     |
| Jan 2023 | 2.75     |
| Mar 2023 | 2.75     |
| May 2023 | 3.00     |
| Jul 2023 | 3.00     |
| Sep 2023 | 3.00     |
| Nov 2023 | 3.00     |
| Jan 2024 | 3.00     |
| Mar 2024 | 3.00     |
| May 2024 | 3.00     |





# KEISTIMEWAAN

## Ros Jepun

Oleh : Pn. Fariza Haidayu binti Mohd Hashim



Ros Jepun adalah sejenis tanaman hiasan tutup bumi yang popular pada masa kini. Bentuknya yang berwarna-warni dan menarik menjadi pilihan individu untuk menanamnya. Ros Jepun atau nama saintifiknya *Portulaca Grandiflora* yang terdiri dari 40 hingga 100 species adalah berasal dari Argentina, Utara Brazil dan Uruguay. Ia mempunyai pelbagai nama seperti *Ros Moss*, *Pokok Pukul 10*, *Ros Maxico*, *Ros Vietnam*, *Ros Matahari*, *Ros Batu* dan pelbagai lagi. Ros Jepun adalah tanaman tahan lasak yang boleh tumbuh dalam keadaan panas dan kering membolehkannya ditanam secara meluas di serata dunia sebagai tumbuhan hiasan.



Ros Jepun juga adalah sejenis tumbuhan herba yang merayap dan menutupi bumi. Daun dan rantingnya yang segar boleh digunakan untuk merawat luka ringan dengan cara dihancurkan dan ditampal pada bahagian luka seperti bisul, penyakit kulit, lecur dan ruam.


Ros Jepun mempunyai pelbagai jenis dan warna yang menarik antaranya merah jambu, merah terang, putih, kuning, ungu dan oren. Terdapat tiga jenis Ros Jepun yang menjadi pilihan para peminat tanaman ini di Malaysia iaitu Ros Jepun Carnation, Ros Jepun Duna dan Ros Jepun Jambul.

Ros Jepun Carnation adalah antara tanaman yang tahan lasak walaupun terdedah dengan air hujan yang banyak, asalkan air tidak bertakung di tempat tanaman. Ros Jepun ini amat sukar untuk di serang penyakit.





Ros Jepun Duna adalah antara yang amat diminati penggemar-penggemar Ros Jepun. Ciri- ciri yang terdapat pada Ros Jepun Duna adalah ia berbunga selapis dan setiap kelopaknya mempunyai warna berbelang-belang. Spesies ini amat cepat membiak dengan hanya mengambil masa seminggu untuk mengeluarkan cambah yang baru dan berbunga, asalkan disiram dua kali sehari dan diletak di tempat panas.



Ros Jepun Jambul juga antara Ros Jepun yang sentiasa menjadi pilihan peminatnya. Ia mempunyai bentuk yang unik iaitu kombinasi kelopak berlapis dikelilingi kelopak sehelai. Ia juga mempunyai warna-warna yang unik. Sama ada satu warna sahaja atau dua warna dalam setiap kelopak. Ros Jepun Jambul boleh terus berkembang hingga ke petang sekiranya cuaca tidak mendung.



Oleh kerana Ros Jepun mempunyai keunikan yang tersendiri, tidak hairanlah jika banyak kelab-kelab atau kumpulan ditubuhkan oleh peminat Ros Jepun. Di laman facebook misalnya terdapat satu kelab yang dinamakan **“Group Deco2 Ros Jepun”** yang mempunyai seramai 97 600 ahli di seluruh Malaysia dan luar negara. Di dalam kelab tersebut, peminat-peminat Ros Jepun berkongsi gambar bunga-bunga Ros Jepun masing-masing setiap hari.



# MESAC @ WORLD EARTH DAY 2024

Oleh: Muhamad Faiz bin Jofri



22hb April 2024 - Hari Bumi Sedunia @ World Earth Day disambut pada 22hb April setiap tahun. Tujuannya adalah untuk meningkatkan kesedaran dan menghargai kewujudan planet bumi disamping pendedahan terhadap masalah-masalah yang dihadapinya. Setiap kali Sambutan Hari Bumi Sedunia, pelbagai organisasi termasuklah sekolah, dan individu akan mengadakan pelbagai acara dengan tujuan untuk mendidik dan mengajak masyarakat untuk terlibat dalam melestarikan 'survival' bumi dalam dunia yang kian mencabar.

Mechanical Engineering Students Affair Club (MESAC) telah mengambil inisiatif dengan menganjurkan program berkaitan iaitu *Bear Hill Clean Up and Hiking* pada 24hb April 2024 bertempat di Bukit Beruang. Umum mengetahui terdapat banyak trek yang tersedia di Bukit Beruang. Namun peserta mengambil keputusan untuk melalui trek 'wild boar', sebahagian trek telekom dan trek 'wonderful'. Sepanjang laluan peserta mengutip sampah sarap dipersekitaran untuk dibawa turun ke bawah.

Pencemaran udara, air dan tanah terus menjadi isu alam sekitar. Pelepasan industri, larian pertanian, sisa plastik dan bahan pencemar lain merendahkan ekosistem dan membahayakan kesihatan. Setibanya peserta dipuncak, pelajar turut diberi tunjuk ajar bagaimana mengambil wuduk dengan menggunakan air yang paling minima. Ini penting agar pelajar menghargai sumber seperti air.

Usaha seharusnya dibuat secara global untuk menangani isu alam sekitar ini melalui penglibatan semua pihak. Masih terdapat keperluan untuk tindakan kolektif, penyelesaian inovatif dan amalan mampan untuk melindungi alam sekitar bumi untuk generasi akan datang.

**PAPARAN TERKINI**





# SAMBUTAN RAYA 2024

*Aidilfitri*

Oleh: Emilya binti Zurda

Majlis Perhimpunan Bulanan April 2024 dan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri peringkat PMK 2024 telah diadakan pada 24 April 2024 (Rabu) di Politeknik Melaka (PMK). Majlis ini dianjurkan oleh Jabatan Perdagangan (JP), Jabatan Sukan, Kokurikulum & Kebudayaan (JSKK), Unit Pembangunan Instruksional & Multimedia (UPIM) dan Unit Perpustakaan.



Program ini terbahagi kepada dua bahagian, iaitu Perhimpunan Bulanan Staf di Dewan Serbaguna PMK (DSG) dan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2024 yang diadakan secara terbuka di perkarangan utama PMK. Majlis ini telah menarik pelbagai lapisan masyarakat dari kalangan warga PMK untuk hadir ke majlis tersebut.

Jamuan yang berkonsepkan "pot luck" itu berjaya memperlihatkan kerjasama semua jabatan dan unit seluruh PMK. Pelbagai juadah tradisional dan moden yang disajikan.

Turut diselitkan dalam majlis adalah pemilihan hiasan khemah terbaik dan pakaian tercantik (lelaki dan perempuan) kategori staf dan pelajar PMK. Penganjuran majlis seperti ini dilihat dapat mewujudkan keharmonian dan ukhuwah sesama warga PMK.



**PAPARAN TERKINI**



# PROGRAM I-SEE PMK 2024

Oleh: Zalzalah binti Mohamed Harudin

POLITEKNIK MELAKA – Program i-SEE PMK 2024 (Science, Engineering & Environment) diadakan pada 30 April 2024 di Politeknik Melaka (PMK) dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Melaka (Sektor Pembangunan Bakat Pelajar).



Tujuan program ini adalah untuk memperkasa STEM dari peringkat sekolah rendah. Program ini bermatlamat untuk membuka peluang kepada pelajar sekolah menguji keupayaan mereka dari segi teori dan praktikal dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Tambahan lagi, program ini dapat membantu meningkatkan kemahiran dan kompetensi peserta melalui nilai tambah yang diperolehi. Program ini dapat memberi peluang kepada staf PMK untuk menyumbang kemahiran dan kepakaran bagi merealisasikan misi dan visi PMK, disamping dapat mempromosikan Politeknik Melaka.



Program ini terdiri dari 2 pertandingan iaitu *Electronic Black Box* dan *Exit Room*. Pertandingan *Electronic Black Box* telah menerima 15 penyertaan dan 10 penyertaan untuk Pertandingan *Exit Games*. Terdapat juga pameran projek pelajar berkaitan STEM dari Politeknik Melaka, sekolah-sekolah sekitar Melaka dan pameran bas STEM dari Pusat Sains Negara. Majlis perasmian penutup program ini telah disempurnakan oleh Encik Aidil Adha salami wakil dari JPN Melaka.





# G A L E R I - S E E





# SOROTAN MESYUARAT INDUSTRI DAN WATIKAH PELANTIKAN

Oleh: Zariyah binti Abdullah

MELAKA - Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Industri Politeknik Melaka (PMK) Bil 1/2024 dan Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan kepada Ahli JK Penasihat PMK yang baharu telah diadakan di Grand Swiss-Belhotel Melaka pada 30 April 2024. Watikah pelantikan telah diserahkan kepada Pn. Marlina Omar, Ketua Pegawai Eksekutif Taman Sari Legacy Holdings Sdn. Bhd untuk lantikan Mei 2023 hingga April 2025.

Mesyuarat dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Rosthman bin Ibrahim dan dihadiri 9 orang ahli jawatankuasa penasihat industri PMK. Ahli jawatankuasa yang hadir adalah terdiri daripada pegawai-pegawai peringkat atasan di dalam sesebuah syarikat atau agensi yang berpengalaman.

Beberapa usul dibentangkan dalam mesyuarat pada kali ini. Antaranya adalah meningkatkan kerjasama penglibatan PMK dalam program anjuran industri. Hal ini disambut baik oleh Pn. Marlina dari Taman Sari Legacy dan pengurusan PMK mengharapkan industri dapat melaksanakan program dalam skala yang lebih besar kepada pelajar PMK dan tidak terhad kepada pelajar yang menjalani Latihan Industri sahaja.







# INTERNATIONAL BUSINESS CULTURAL CHALLENGE, COMPETITION & EXHIBITION 2024 (IB3CE '24)

MELAKA - Program Diploma Perniagaan Antarabangsa, Jabatan Perdagangan, Politeknik Melaka dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) telah berjaya menganjurkan Program International Business Cultural Challenge, Competition & Exhibition 2024 pada 7 Mei 2024 bertempat di Politeknik Melaka (PMK). Program ini telah dirasmikan oleh Dr. Zanatul Shima binti Aminuddin, Unit Pengurusan dan Perdagangan, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti.

Objektif program ini dilaksanakan adalah untuk meningkatkan ilmu dan kefahaman pelajar melalui "career talk" bersama industri, peningkatan nilai tambah pelajar melalui pertandingan serta mewujudkan kerjasama dan hubungan yang baik antara pelajar, pensyarah dan pihak luar dalam melaksanakan aktiviti.

Antara pengisian aktiviti yang dilaksanakan adalah Pertandingan *Cross Cultural* (semester 2), Pertandingan *Creative International Business Kit* (semester 3), Pertandingan *Futuristic and Sustainable Warehouse* (semester 4), Pertandingan *Recycle & Reusable Green Chair From Tyre* (semester 4 dan terbuka), Pertandingan *Product Pitching* (semester 5), Pembentangan Projek Akhir Pelajar (semester 5), Program pensyarah pelawat industri, perkongsian bersama alumni serta pameran dari agensi luar. Program ini tidak hanya menjadi satu titik kemuncak kejayaan, tetapi juga satu langkah ke hadapan dalam memenuhi visi untuk pembangunan generasi muda yang cemerlang dan berdaya saing Program ini turut di sertai oleh pensyarah dan pelajar dari Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA), Politeknik Merlimau (PMM), Politeknik Port Dickson (PPD), Kolej Komuniti Kota Melaka serta Sekolah Menengah Kebangsaan Telok Mas, Melaka.



# IB3CE '24



Oleh: 

**PAPARAN TERKINI**





MELAKA – Pada 14 Mei 2024 telah diadakan Program 4FYP (Final Year Projek) Sesi 2: 2023/2024 . Ia adalah pertandingan projek akhir pelajar peringkat Politeknik dari semua jabatan induk di Politeknik Melaka (PMK) bagi membentangkan projek akhir semester mereka. Peserta-peserta pertandingan ini adalah terdiri daripada pelajar semester akhir di Politeknik Melaka yang mengambil kursus projek 2 dari 4 jabatan utama iaitu Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM), Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA), Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE) dan Jabatan Perdagangan (JP). Pertandingan ini dipecahkan kepada 2 kategori iaitu kategori produk dan ilmiah. Bagi kedua-dua kategori ini, para peserta yang akan terlibat adalah terdiri daripada wakil kumpulan terbaik di peringkat jabatan yang dipilih mengikut kategori pertandingan tersebut. Ianya telah dinilai oleh panel panel jemputan luar yang terdiri dari pakar-pakar dalam bidang industri dan inovasi serta para pensyarah jemputan dari Politeknik atau Universiti.

Hasil keputusan pemenang Hari Inovasi Projek Akhir Pelajar POLITEKNIK MELAKA SESI 2:2023/2024 terbahagi mengikut kategori produk dan ilmiah. Pemenang bagi kategori produk dan ilmiah pada kali ini telah dimenangi oleh JABATAN PERDAGANGAN.



# Program 4FYP (FINAL YEAR PROJEK) SESI 2: 2023/2024

Oleh:



# PROGRAM GERAK GEMPUR : SKOR A MATH & SCIENCE

## PAPARAN TERKINI

**Oleh: Zariyah binti Abdullah**

MELAKA – Pada 20 Mei 2024 telah diadakan Program Gerak Gempur: Skor 'A' Math & Science anjuran Jabatan Matematik, Sains dan Komputer (JMSK) Sesi II 2023/2024. Ia merupakan satu program berkala dilaksanakan di Politeknik Melaka. Program ini adalah satu program yang diadakan untuk memantapkan kefahaman pelajar dalam kursus Engineering Mathematics 1, Engineering Mathematics 2, Engineering Mathematics 3, Electrical Engineering Mathematics dan Engineering Science.



Seramai 80 orang pelajar telah terpilih untuk menghadiri program ini yang telah dikendalikan sepenuhnya oleh pensyarah-pensyarah dari Jabatan Matematik, Sains dan Komputer. Program berjaya menarik minat seramai 72 orang pelajar untuk hadir.

Program sebegini sentiasa mendapat tempat di hati pelajar memandangkan mereka dapat membuat contoh-contoh soalan secara langsung dengan bimbingan dan latihan daripada pensyarah.

Diharap Program Gerak Gempur : Skor A Math & Science dapat membantu pelajar untuk menghadapi peperiksaan akhir bagi Sesi II 2023/2024 dan dapat mencapai objektif yang digariskan. Semoga usaha murni JMSK dalam pelaksanaan program seperti ini dapat meningkatkan kefahaman pelajar dalam sesuatu kursus. Diharapkan semua pelajar mendapat kejayaan yang cemerlang dalam peperiksaan akhir yang akan berlangsung tidak lama lagi.



# POLYTECHNIC SPORTS CHALLENGE HOCKEY 2024

Oleh: Muhammad Abdul Hafidz bin Mohd Amin



BUKIT SERINDIT, MELAKA – Politeknik Melaka (PMK) selaku Penyelaras Program Kecemerlangan Atlet (PKAT) Hoki Politeknik Malaysia telah mengelolakan Kejohanan “POLYTECHNIC SPORTS CHALLENGE- HOCKEY 2024” pada 25 – 27 Jun 2024 bertempat di Stadium Hoki Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB). Kejohanan ini bertujuan sebagai medan mencari bakat baru dalam sukan hoki seterusnya akan mewakili pasukan Politeknik Malaysia dalam kejohanan Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT).

Kejohanan ini telah disertai oleh enam (6) buah pasukan iaitu terdiri dari Politeknik Perak, Politeknik Pulau Pinang, Politeknik Negeri Sembilan, Politeknik Pahang, Politeknik Kelantan dan Politeknik Melaka. Pemain Politeknik Pulau Pinang yang memakai jersi no 1, Putera Ahmad Syahmie bin Ahmad Aswad telah dianugerahkan sebagai pemain terbaik kejohanan.

Keputusan kejohanan adalah seperti berikut:

Johan – Politeknik Pulau Pinang

Naib Johan – Politeknik Perak

Tempat ke-3 – Politeknik Melaka

Tempat ke-4 – Politeknik Pahang

Tempat ke-5 – Politeknik Negeri Sembilan

Tempat ke-6 – Politeknik Kelantan

Majlis Penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Pn. Rogayah binti Mohamad Naib Presiden Malaysian Hockey Confederation (MHC) & Naib Presiden Persatuan Hoki Melaka dengan diiringi oleh Pn. Zeyana binti Abdullah, Timbalan Pengarah Politeknik Melaka, En Mohd Khairol bin Kamis, Penolong Pengarah Sukan Jabatan Belia dan Sukan Negeri Melaka dan ketua-ketua Jabatan Politeknik Melaka.





## PMK FITNESS PROGRAM 2024

Oleh: Muhammad Abdul Hafidz bin Mohd Amin

MALIM, MELAKA – Sukan merupakan satu aktiviti rekreasi sama ada untuk mendapat keseronokan, mengisi masa lapang ataupun bersenam. Bersukan boleh dilakukan berseorangan ataupun secara berkumpulan. Kecergasan tubuh badan hanya akan dicapai menerusi latihan fizikal bersistematik yang terancang dan dijalankan mengikut prinsip-prinsip latihan yang sesuai serta disiplin yang tinggi. Oleh yang demikian, Jabatan Sukan, Kokurikulum dan Kebudayaan (JSKK) dengan kerjasama Unit Latihan dan Pendidikan Latihan (ULPL) telah menganjurkan program latihan kecergasan khas bagi staf Politeknik Melaka. Seramai 30 orang staf telah berjaya mengikuti program ini. Program ini telah dilaksanakan selama 30 sesi. Antara Pengisian program :

- Latihan kecergasan
- Latihan bebanan (Weight Training)
- Amalan pemakanan sihat
- Hiking
- Program TABATA & HIIT
- Ujian kecergasan

Adalah diharapkan agar program ini dapat diteruskan pada sesi yang akan datang bagi tujuan memupuk gaya hidup yang sihat di kalangan staf PMK.

**PAPARAN TERKINI**



# PROGRAM MEMPERKASA TENAGA KERJA 2.0 JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL


**Oleh: Muhamad Faiz bin Jofri**

Pantai Siring, Merlimau - Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) telah menganjurkan Program Memperkasa Tenaga Kerja 2.0 JKM bertempat di Pulau Besar pada 20 Jun 2024. Program yang bertujuan untuk menggalakkan kerja berpasukan dan memupuk hubungan baik sesama staf JKM. Peserta berpeluang untuk melalui pengalaman baharu dalam aktiviti mendayung perahu naga dari Pulau Besar ke Pulau Lalang. Pengisian sepanjang program ini menawarkan peluang yang sangat baik untuk rakan sekerja bekerjasama, meningkatkan kemahiran komunikasi mereka dan membina pasukan yang lebih kuat. Program ini bertujuan untuk mencipta pengalaman yang menyeronokkan dan mengukuhkan ikatan sesama ahli pasukan Program ini merupakan program terakhir yang disertai oleh dua orang staf JKM iaitu Ketua Jabatan En. Hishamuddin Shah bin Ibrahim yang akan berpindah ke Politeknik Kota Kinabalu dan En. Hussein bin Md. Zan yang akan berpindah ke Politeknik Port Dickson.



**PAPARAN TERKINI**





# PENERBITAN ARTIKEL DALAM MAJALAH DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

Oleh: Ifadah bin Sharif

27 Jun 2024 – Unit Perpustakaan Politeknik Melaka dengan kerjasama Jawatankuasa Buletin mengadakan program bersama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). DBP adalah sebuah penerbitan terbesar di Malaysia yang menerbitkan pelbagai majalah dan juga buku-buku teks sekolah rendah dan menengah. Pihak Perpustakaan Politeknik Melaka mengambil inisiatif menjemput editor DBP memberi taklimat tentang penulisan kepada pensyarah-pensyarah yang berminat menulis dan berkongsi penulisan bersama DBP.

Taklimat ini telah disampaikan oleh editor Dewan Siswa iaitu Pn. Siti Irni Yuslinda binti Mosman. Objektif utama taklimat ini ialah memberi maklumat kepada pensyarah Politeknik Melaka platform untuk berkongsi hasil penulisan mereka, menggalakkan pensyarah untuk menulis artikel dan menerbitkan artikel penulisan mereka di DBP. Selain itu taklimat ini juga memberi pendedahan awal mengenai teknik penulisan kepada pensyarah yang baharu dalam penulisan kreatif dan mencungkil bakat baharu penulis dalam pelbagai genre penulisan.



**PAPARAN TERKINI**





# **PASUKAN POLITEKNIK MELAKA KE MALAYSIAN POLYTECHNIC TERRITORIAL ARMY ANNUAL CAMP (MALPTAAC) SIRI 15/2024**

Oleh: Mohamed Nasir bin Alivi



**ARAU, PERLIS** - Malaysian Polytechnic Territorial Army Annual Camp (MALPTAAC) merupakan perkhemahan tahunan pasukan askar wataniah dari semua Politeknik Malaysia. Perkhemahan ini adalah berbentuk pertandingan dan latihan bersama. Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang MALPTAAC adalah seperti pertandingan menembak, multi relay, ujian jalan laju, pertandingan sukan serta latihan medan.

MALPTAAC Siri 15/2024 yang telah diadakan di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis (PTSS) bermula pada 26 Jun 2024 hingga 10 Julai 2024. Sebanyak 16 buah Politeknik telah terlibat dengan kekuatan seramai 29 orang pegawai dan 609 orang anggota yang terdiri daripada kakitangan dan pelajar. Selain itu, ia juga melibatkan penyertaan dari Rejimen 504 Askar Wataniah dan Bahagian Pasukan Simpanan Tentera Darat, Kementerian Pertahanan. Politeknik Melaka telah menghantar penyertaan pasukan Askar Wataniah Politeknik Melaka (AWPMK) dalam MALPTAAC 15 yang diketuai oleh Lt. Mohamed Nasir bin Alivi selaku Penyelaras AWPMK dan 20 orang pelajar Politeknik Melaka.



**PAPARAN TERKINI**





# DOREMOM, NOBITA DAN MESIN MASA

Penulis: Ahmad Fadli bin Abd Hadi

Semestinya semua orang tahu Doraemon yang diciptakan pada abad ke 22 merupakan robot kucing jantan. Tarikh lahir rasminya pada 3 September 2112 di Kilang Robot Matsushiba, Kawasaki, Kanagawa. Pada badan Doraemon terdapat kocek empat dimensi yang dapat mengeluarkan pelbagai alatan canggih yang sering digunakan untuk membantu Nobita dan kawan-kawannya. Antara peralatan yang paling asas dan sering digunakan ialah mesin masa yang membolehkan rentasan masa dari zaman ke zaman dan mesin masa inilah yang membawa Doraemon kembali ke abad 20 untuk membantu Nobita. Persoalannya, wujudkah peralatan yang mampu membawa kita merentasi masa?

Manusia yang mencetuskan kemungkinan mesin masa adalah Einstein. Menurut Einstein, “Jikalau kapal angkasa yang lebih laju daripada cahaya dibina, masa di dalam kapal angkasa berlalu lebih perlahan daripada di bumi.” Terlalu rumit untuk difahami, kita buat analogi begini. Ada sepasang kembar, sekiranya seorang daripadanya menaiki kapal angkasa yang lebih laju daripada cahaya dan mengembara merentasi masa dan kembali semula, umurnya kurang dimamah usia berbanding kembarnya yang berada di bumi. Namun realitinya manusia tidak dapat bergerak lebih laju daripada cahaya.

Kapal angkasa memerlukan bahan api, bagaimana mungkin ada tenaga yang begitu kuat sehingga dapat mengatasi kelajuan cahaya? Menggunakan kapal angkasa dapat melambatkan beberapa saat, sebab itu jam yang dibawa oleh angkasawan lebih perlahan beberapa saat berbanding jam di bumi tetapi mampukah kapal mesin masa dapat memperlambatkan sehingga beberapa tahun, sesuatu yang sukar dibayangkan tetapi alangkah baiknya jika **ADA**.



# UPIN, IPIN DAN KATAK AJAIB

Penulis: Ahmad Fadli bin Abd Hadi

**LOMPAT SI KATAK LOMPAT  
LOMPAT DI TEPI PAYA  
CEPATLAH ADIK CEPAT  
CEPATLAH PERGI BELAJAR**



Tok Dalang pernah bercerita kepada Upin dan Ipin bahawa terdapat 4810 spesis katak di dunia dan 254 spesis katak di Malaysia. Katak selalu dikaitkan dengan cerita dongeng rakyat, kisah bagaimana putera katak dan bermacam-macam lagi yang dikaitkan dengan haiwan amfibia ini. Katak dan kodok ini memang tidak asing dan pelik kerana kelibat dan kehadirannya boleh didapati di mana-mana. Walaubagaimanapun hanya beberapa jenis katak sahaja yang selalu kita jumpa. Persoalan yang bermain dan sering muncul apabila berhadapan dengan katak ini ialah beracun atau tidak, bahaya ke, boleh menyerang?

Katak tergolong dalam kumpulan haiwan amfibia dan umumnya, katak menggemari keadaan persekitaran yang lembap dan sejuk. Kulit katak yang separa telap berkebolehan menyerap air pada sebarang jenis permukaan supaya kekal lembap. Sifatnya yang unik ini menjadikan katak sebagai haiwan ajaib kerana berkeupayaan menunjukkan tahap kesihatan ekosistem bumi.

Katak berfungsi sebagai penunjuk biologi kerana kulit haiwan ini menyerap bahan-bahan di habitat sekitar mereka. Oleh itu, apa-apa perubahan pada kulit katak akan menunjukkan tahap pencemaran atau masalah lain yang ada di kawasan tersebut. Katak boleh wujud di dalam air dan juga di darat. Ini bermaksud bahawa katak merupakan antara haiwan-haiwan ajaib yang akan bertindak balas dahulu terhadap sebarang perubahan ekosistem.





# REVOLUSI INDUSTRI 4.0

**Penulis: Ahmad Fadli bin Abd Hadi**

Walaupun IR 4.0 ataupun Revolusi Industri 4.0 telah lama diperkenalkan iaitu seawal November 2011, tetapi mungkin masih ramai lagi rakan-rakan di Politeknik Melaka yang tidak mengetahui secara mendalam. Konsep Revolusi Industri 4.0 telah diperkenalkan oleh Jerman melalui penerbitan artikel pada November 2011 sebagai sebuah strategi berteknologi tinggi dalam mewujudkan sektor pembuatan dan pengeluaran yang lebih digital, fleksibel dan selamat pada tahun 2020 dan konsep revolusi ini sekali lagi dibangkitkan semasa pameran perindustrian di Hannover, Jerman pada April 2013.

Manakala di Malaysia pula pada Oktober 2018, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) secara rasmi telah menerbitkan sebuah polisi kebangsaan bertajuk “Industry4WRD” demi membantu mempersiapkan perniagaan serta sektor-sektor perkilangan di Malaysia dalam menghadapi cabaran Revolusi Industri 4.0 yang membabitkan teknologi automasi, komunikasi dan digital.

Revolusi Industri 4.0 adalah merupakan sebuah revolusi digital yang merujuk kepada proses pembangunan teknologi dalam sesebuah industri khususnya melibatkan sektor pengeluaran dan automasi ke tahap yang lebih pintar dan sistematik. Proses peralihan industri ini juga adalah dikenali sebagai “Smart Factory” di mana setiap sistem yang diimplementasikan adalah lebih fleksibel dan sistematik serta dapat menyesuaikan diri dengan situasi baru yang lebih mencabar (Morrar, Arman & Mousa, 2017).

Jika disoroti sejarah perkembangan revolusi industri di dunia, Revolusi Industri 1.0 telah bermula pada tahun 1712 dengan memperkenalkan enjin wap dan peralatan mekanikal. Revolusi Industri 2.0 pada tahun 1870 pula telah mencipta elektrik dan mencetuskan pengeluaran secara besar-besaran. Perkembangan dilanjutkan kepada Revolusi Industri 3.0 pada tahun 1969 yang telah membangunkan elektronik dan ICT. Pembangunan teknologi ICT dan internet yang pesat pada masa kini telah mempercepatkan proses peralihan kepada Revolusi Industri Keempat (IR 4.0) dan pada dasarnya berbeza daripada tiga revolusi sebelumnya kerana ia melibatkan teknologi tinggi yang jauh terkedepan dan terangkum.



Rujukan;

<https://www.mosti.gov.my/en/fokus/revolusi-industri-keempat-ir-4-0/>

Shukri Mohamad.(2020, April 2). REVOLUSI INDUSTRI 4.0



# TENTERA PEKAK KERANA TUGAS: IMPLIKASI DAN CARA MENGATASINYA

Oleh: Leftenan Kolonel (Dr) Muhamad Norizham bin Mesran(3011918)

Pekerjaan sebagai seorang tentera tidak kira samada tentera darat, laut dan juga udara sentiasa mempunyai risiko untuk kehilangan pendengaran. Ini kerana mereka terdedah kepada bunyi bising yang kuat yang boleh merosakkan pendengaran seseorang. Antara contoh bunyi bising yang sering dihadapi adalah seperti bunyi senjata api dan bahan letupan, bunyi bising yang berterusan dari kenderaan tentera, bunyi muzik bagi pemain band pasukan, tekanan tinggi penyelaman laut dalam dan juga bunyi pesawat semasa pelepasan pesawat. Bunyi- bunyi ini yang mana biasanya tahapnya lebih dari 90 decible boleh merosakkan sel-sel pendengaran di dalam organ pendengaran yang dipanggil koklear yang terletak di telinga dalam.

Kebiasaannya sel-sel ini apabila tercedera, ia boleh kembali pulih dalam masa tertentu, tetapi dalam kes anggota tentera yang terdedah dalam masa yang lama menyebabkan sel ini rosak secara berkekalan dan menyebabkan kepekakkan (Noise Induce Hearing Loss-NIHL). Setelah keadaan ini terjadi, pendengaran seseorang itu tidak akan kembali ke asal, samada kekal di tahap itu atau pun mungkin semakin teruk jika terus terdedah pada bunyi bising tersebut. Penyakit ini adalah penyakit yang kerap terjadi dan kebayakan kes berlaku tanpa disedari oleh anggota tersebut kerana ketiadaan symptom yang spesifik pada peringkat awal.

Kebanyakan pesakit NIHL ini adalah asimtomatik (tiada aduan) pada peringkat awal. Ini adalah kerana pada peringkat awal frekuensi bunyi yang terjejas adalah hanya pada frekuensi tinggi. Ada sesetengah pesakit mengalami bunyi berdesing di dalam telinga (tinnitus). Ada juga sebilangan kecil yang mengalami vertigo (terasa dunia berpusing). Kesukaran dalam pendengaran biasanya berlaku pada peringkat yang lambat. Sebab itulah penyakit ini sukar untuk dikesan di peringkat awal. Ujian Pure Tone Audiometri (PTA) merupakan ujian yang menggunakan mesin elektronik untuk menguji tahap pendengaran seseorang. Orang yang diuji akan dipakaikan headphone dan akan diberikan bunyi pada kekuatan yang berbeza, pada frekuensi yang berbeza.

Ujian ini dilakukan di dalam bilik kedap bunyi. Dan kemudian keputusan akan direkodkan dalam bentuk graf.



Graf PTA yang normal akan menunjukkan kesemua frekuensi bunyi dapat didengari pada kekuatan di antara 0 db hingga 25 db. Manakala bagi mereka yang mengalami NIHL ini, akan terdapat ketaknormalan (lekuk) pada hanya frekuensi 4000Hz.

NIHL adalah sejenis penyakit yang tidak boleh dirawat tetapi boleh dicegah daripada menjadi lebih teruk. Walaubagaimanapun bagi pesakit yang mengalami masalah dalam berkomunikasi atau pun dalam pekerjaan, beliau perlu menjalani rawatan rehabilitasi pendengaran bagi membantu mereka mendengar. Pesakit akan diberikan alat bantu dengar (hearing aid) bagi membantu mereka mendengar. Kesan keadaan ini menyebabkan seseorang anggota itu hilang pendengaran dan mengakibatkan sukar untuk berkomunikasi dengan orang lain.

Inilah yang dipanggil pekak. Sebagai seorang anggota tentera ia akan menghadapi kesukaran dalam melaksanakan tugas harian kerana tidak mendengar arahan yang diberikan.

“Mencegah adalah lebih baik dari mengubati”. Ayat keramat yang sangat sesuai dalam menangani masalah NIHL ini. Ini kerana apabila ia telah terjadi, ia tidak akan kembali ke tahap yang normal. Semua pihak memainkan peranan dalam proses NIHL ini dari terjadi. Kebanyakan aktiviti dalam ketenteraan akan mendedahkan seseorang anggota itu kepada NIHL. Kesedaran seseorang terhadap perkara ini amatlah penting bagi mencegah NIHL ini dari terus terjadi. NIHL adalah suatu penyakit yang boleh dicegah.

Semoga perkongsian ini dapat memberi pendedahan awal kepada semua berkaitan penyakit NIHL atau bahasa pasarnya pekak. Pengetahuan berkaitan akan menjadikan kita lebih berhati-hati. Ini kerana masalah pendengaran yang berlaku akibat terdedah pada bunyi bising yang berterusan akan menimbulkan komplikasi dan mengganggu kehidupan seharian.

Leftenan Kolonel (Dr) Muhamad Norizham bin Mesran(3011918)  
merupakan seorang doktor pakar dalam bidang  
OTORHINOLARYNGOLOGY. Sekarang bertugas di Hospital Angkatan  
Tentera Kem Terendak





KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI



*Fahmiah &  
Selamat Datang*

**YBRS. EN.ZAIDI BIN OTHMAN**

atas pelantikan sebagai

**PENGARAH POLITEKNIK MELAKA**

Ikhlās daripada seluruh warga kerja Politeknik  
Melaka





KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



# *Tahniah*

PENGIKTIRAFAN AKREDITASI OLEH

**MAJLIS AKREDITASI TEKNOLOGI  
KEJURUTERAAN (ETAC)  
UNTUK 6 TAHUN (2025 ~ 2030)  
BAGI 3 PROGRAM:**

**DIPLOMA KEJURUTERAAN AWAM [MQA/FA13189]  
DIPLOMA KEJURUTERAAN MEKANIKAL [MQA/FA13190]  
DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRONIK (KAWALAN) [MQA/FA13247]**

POLITEKNIK MELAKA

*Kejayaan*

# **POLITEKNIK MELAKA**





KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI



# Kejayaan STAF POLITEKNIK MELAKA

Tahniah di atas pemangkuan DH54:



Rosnani bt Affandi

Tahniah di atas pemangkuan DH52:



Abd Halim  
bin Mahat



Amirudin  
bin Mohd Salim



Hishamuddin Shah  
bin Ibrahim



M.Chandran  
a/l Maruthan



Mohd Nordin  
bin Mohd Jani



Muhamad Faiz  
bin Jofri



Munirah  
binti Abdul Rahim



Rosmaria  
binti Ismail

## Tahniah

kepada para pensyarah-pensyarah  
atas pemangkuan ke DH52(M) &  
DH54(M)



Politeknik Melaka



politeknikmelaka



politeknikmelaka



polimelaka.mypolycc.edu.my

SEGMENT : PENGUMUMAN



*Jom Layari*  
*Maklumat diujung jari anda*  
**PORTAL PERPUSTAKAAN**  
**POLITEKNIK MELAKA**

[library.polimelaka.edu.my](http://library.polimelaka.edu.my)



Pelbagai maklumat terkini  
Pelbagai maklumat yang menarik  
Tidak terhad dalam mendapatkan maklumat  
Membantu dalam PdP anda

**Knowledge & Excellence**





KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

**POLITEKNIK**  
MALAYSIA  
MELAKA

**JHEPP**

Jabatan Hal Ehwal & Pembangunan Pelajar  
POLITEKNIK MELAKA

## **MASIH ADA KEKOSONGAN BAGI BIDANG KEJURUTERAAN**

**DIPLOMA KEJURUTERAAN AWAM - DKA**

**DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRONIK  
(KAWALAN) - DJK**

**DIPLOMA KEJURUTERAAN MEKANIKAL - DKM**

1. Warganegara Malaysia
2. Memiliki SPM atau Setaraf
3. Lulus Bahasa Melayu
4. Lulus Sejarah (SPM 2013 dan ke atas)
5. Lulus Bahasa Inggeris
6. Mendapat TIGA (3) kepujian dalam mata pelajaran berikut :
  - a) Matematik
  - b) SATU (1) matapelajaran Sains/Teknikal/Vokasional/  
Elektif STEM
  - c) SATU (1) matapelajaran lain yang belum diambil kira  
kepujiannya
7. Calon tidak mempunyai ketidakupayaan penglihatan  
(buta), pendengaran, fizikal atau pembelajaran yang  
menyukarkan kerja-kerja amali dan tidak mempunyai  
ketidakupayaan penglihatan (buta warna) bagi program  
DJK.

## **CHATBOT TEJA JHEPP**

**AKSES 24/7**

**SENTIASA BERHUBUNG**

**PANTAS & MUDAH**



<http://bit.ly/e-StudentPMK>

**DAPATKAN INFORMASI LEBIH  
LANJUT MENGENAI  
POLITEKNIK MELAKA MELALUI  
CHATBOT TEJA JHEPP !!!**

**MAKLUMAT LANJUT SILA HUBUNGI KAMI :**

**06 - 337 6054/6058**

**HOTLINE JHEPP PMK  
(011 - 5953 1422)**

**MASIH BELUM DAPAT  
MANA-MANA TAWARAN?**

**JOM!!!  
MASUK  
POLITEKNIK  
MELAKA**



**YURAN  
PENGAJIAN**

**RM 200**

**SEMESTER**

<https://ambilan.mypolycc.edu.my/>

**SESI I 2024/2025**





KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

# POLITEKNIK MELAKA

**LALUAN KERJAYA**  
Pembantu Akauntan | Penolong Juruaudit  
Usahawan | Penolong Jurutera | Penyelia Tapak  
Kontraktor | Juruteknik



**JOM !!!  
DAFTAR  
POLITEKNIK  
MELAKA**  
YURAN PENGAJIAN  
PER SEMESTER  
**RM 200**

PELAYANAN  
KEMAHIRAN  
INDUSTRI

KEBOLEHSAHASAN  
GRADUAN PMK  
**99%**

POLYCC  
POLITEKNIK  
KOLEJ KOMUNITI

**BIDANG KEJURUTERAAN**  
DIPLOMA KEJURUTERAAN AWAM - DKA  
DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRONIK (KAWALAN) - DJK  
DIPLOMA KEJURUTERAAN MEKANIKAL - DKM

1. Warganegara Malaysia
2. Memiliki SPM atau Setaraf
3. Lulus Bahasa Melayu
4. Lulus Sejarah (SPM 2013 dan ke atas)
5. Lulus Bahasa Inggeris
6. Mendapat TIGA (3) kepujian dalam mata pelajaran berikut :  
a) Matematik  
b) SATU (1) matapelajaran Sains/Teknikal/Vokasional  
c) SATU (1) dalam mana-mana matapelajaran
7. Calon tidak mempunyai kelonggupan penglihatan (buta), pendengaran, fizikal atau pembelajaran yang menyukarkan kerja-kerja amali dan tidak mempunyai kelonggupan penglihatan (buta warna) bagi program DJK.

**SYARAT KEMASUKAN**  
**BIDANG PERDAGANGAN**  
**DIPLOMA AKAUNTANSI - DAT**

1. Warganegara Malaysia
2. Memiliki SPM atau Setaraf
3. Lulus Bahasa Melayu
4. Lulus Sejarah (SPM 2013 dan ke atas)
5. Lulus Bahasa Inggeris
6. Mendapat TIGA (3) kepujian dalam mata pelajaran berikut :  
a) Matematik  
b) Dua (2) matapelajaran lain yang belum diambil kira kepujiannya
7. Calon tidak mempunyai kelonggupan penglihatan (buta), pendengaran, fizikal atau pembelajaran yang menyukarkan kerja-kerja amali.

**DIPLOMA PERNIAGAAN ANTARABANGSA - DPI**

1. Warganegara Malaysia
2. Memiliki SPM atau Setaraf
3. Lulus Bahasa Melayu
4. Lulus Sejarah (SPM 2013 dan ke atas)
5. Lulus Matematik
6. Mendapat LIMA (5) kepujian dalam mana-mana matapelajaran termasuk kepujian dalam Bahasa Inggeris
7. Calon tidak mempunyai kelonggupan penglihatan (buta), pendengaran, fizikal atau pembelajaran yang menyukarkan kerja-kerja amali.



Untuk maklumat lanjut,  
minta kod QR berikut



MAKLUMAT LANJUT SILA HUBUNGI KAMI :  
☎ 06 - 337 6054/6058  
☎ HOTLINE JHEPP PMK (011 - 5953 1422)




KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



Jabatan Hal Ehwal & Pembangunan Pelajar  
POLITEKNIK MELAKA

# CHATBOT TEJA JHEPP

AKSES 24/7 | PANTAS & MUDAH | SENTIASA BERHUBUNG






**DAPATKAN INFORMASI LEBIH LANJUT  
MENGENAI POLITEKNIK MELAKA**



# KAUNTER PERTANYAAN

# Maya

## RUNDING CARA & KONSULTASI KEMASUKAN KE POLITEKNIK MELAKA



No. 2, Jln PPM 10, Plaza Pandan Malim, 75250 Melaka

☎ **TEL PEJABAT : 06- 3376054/6058**

📞 **WHATSAPP HOTLINE : 011-59531422**

🗣 **CHATBOT TEJA JHEPP :**  
<http://bit.ly/e-StudentPMK>

**DAPATKAN MAKLUMAT TERKINI !!**



Scan di sini



# HEBAHAN MEDIUM MEDIA SOSIAL PMK...

1. Jom **LIKE, FOLLOW** dan **SHARE** media sosial PMK



<https://www.facebook.com/polymelaka>



[www.polimelaka.edu.my](http://www.polimelaka.edu.my)



[https://www.tiktok.com/@politeknikmelaka?  
\\_t=8l35N6xoaG2&\\_r=1](https://www.tiktok.com/@politeknikmelaka?t=8l35N6xoaG2&r=1)

2. Gunakan hashtag # berikut untuk sebarang posting:

#politeknikmelaka

#pmkmelestarikecemerlangan

#tvvet

#gengpolycc

#fyp



3. Tambahan hashtag # berikut bagi tujuan **PROMOSI**:

#jommasukpolimelaka

#upuonline

#fyp



**LIKE &  
SHARE**

UKKPMK





mahu berkarya, hubungi  
kami sidang redaksi  
Buletin PMK 2024

  
**POLITEKNIK**  
MALAYSIA  
MELAKA